

21/11/2001

Malaysia tidak perlu ulama luar nilai status: Abdul Hamid

KUALA LUMPUR, Selasa - Jemaah Menteri memutuskan kerajaan tidak perlu mengundang ulama dari luar negara, termasuk dari Universiti Al-Azhar, Mesir bagi menilai Malaysia sebagai negara Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata keputusan itu dibuat kerana Malaysia sudah mendapat pengiktirafan daripada semua pihak di luar negara.

"Malah, penampilan Malaysia sebagai sebuah negara Islam sederhana dalam masyarakat majmuk yang mengamalkan semangat toleransi tinggi menarik perhatian banyak negara asing menjadikan kita sebagai model baik untuk dicontohi," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, baru-baru dilaporkan berkata, beberapa ulama dan pensyarah terkemuka dari Universiti Al-Azhar akan membuat penilaian pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Dr Abdul Hamid berkata, kumpulan pakar itu akan tiba bulan ini bagi menilai sendiri pentadbiran negara dan kerajaan berharap kehadiran kumpulan itu dapat melenyapkan semua kekeliruan berhubung status negara Islam di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Mesyuarat Agung Gerakan Julai lalu ini mengisytiharkan Malaysia negara Islam dan menjelaskan perisytiharan itu tidak perlu membabitkan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Abdul Hamid berkata, kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dari dahulu hingga sekarang sudah cukup baik tanpa perlu sebarang penilaian tambahan lagi.

(END)